

KWSP: Tanah dibeli secara profesional

■ KUALA LUMPUR 4 JAN.

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjelaskan bahawa pembelian tanah di Sungai Buloh oleh anak syarikat milik penuhnya, Kwasa Land Sdn. Bhd. pada 2012, dilaksanakan secara profesional.

Dalam kenyataan, KWSP berkata, pembelian 944.13 hektar (2,330 ekar) tanah daripada Aset Tanah Nasional Berhad (ATNB), jentera tujuan khas (SPV) milik 100 peratus Kementerian Kewangan, dilaksanakan secara saksama bagi membangunkan Kwasa Damansara.



Kwasa Damansara ialah sebuah bandar yang merangkumi pusat perumahan dan komersial serta infrastruktur dan kemudahan awam.

KWSP berkata, ia mengikut struktur pelaburan yang ketat yang memerlukan usaha wajar sebelum membuat transaksi.

"Harga pembelian RM2.28 bilion itu adalah berdasarkan nilai pasaran yang adil beriku-

tan lokasinya yang baik antara Kota Damansara dan Sungai Buloh.

"KWSP tidak mengetahui mengenai sebarang aturan selepas pembelian itu antara Lembaga Getah Malaysia dan ATNB seperti yang dibangkitkan oleh Menteri Industri Utama, Teresa Kok," katanya.

Semalam, Kok berkata pada Oktober 2010, ATNB mengambil alih tanah itu daripada Lembaga Getah Malaysia (MRB) pada kos RM1.5 bilion, yang rendah berbanding nilai pasaran. ATNB kemudian menjual tanah itu kepada KWSP melibatkan RM2.28 bilion pada 2012.

- BERNAMA



NAJIB TUN RAZAK tiba untuk sebutan semula kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

Kes Najib, Arul Kanda dibicara bersama

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Kes melibatkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy berhubung kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan dibicarakan bersama.

Hakim Mahkamah Sesyen, Azura Alwi memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan yang dibuat oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan yang dilantik menjadi Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram ketika sebutan kes berkenaan hari ini.

Pertuduhan terhadap Arul Kanda, 42, dibacakan semula dan tertuduh mengekalkan pengakuan tidak bersalahnya.

Dalam pada itu, Sri Ram memaklumkan, permohonan memindahkan kes itu ke Mahkamah Tinggi akan dibuat.

Azura menetapkan 1 Mac ini untuk sebutan kes selanjutnya.

Pada 12 Disember lalu, Najib mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan perlindungan daripada dikenakan tindakan tatatertib berhubung pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB.

Mengikut pertuduhan, Najib, 66, didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri mengarahkan agar laporan itu yang sedang disediakan dipinda sebelum dimuktamadkan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) bagi melindungi diri daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berhubung syarikat pelaburan itu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Keputusan permohonan jaminan Roger Ng Isnin ini

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Keputusan permohonan Roger Ng untuk dibebaskan dengan jaminan sementara mahkamah mendengar permohonan pendakwaan untuk mengekstradisi bekas eksekutif Goldman Sachs itu, akan ditetapkan Isnin ini.

Hakim M.M Edwin Paramjothy menetapkan tarikh itu selepas mendengar hujah pihak pendakwaan dan pembelaan ketika sebutan kes hari ini.

Peguam Datuk Tan Hock Chuan yang mewakili Roger memberitahu, hari ini sepatutnya hari terakhir anak guanya berada dalam tahanan.

Hock Chuan dalam permoho-

nan lisannya berkata, dia mempunyai masa yang terhad untuk berjumpa dengan anak guanya sepanjang berada dalam tahanan sejak November lalu.

"Anak guam saya menderitanya sakit antaranya leptospirosis dan kami telah menulis surat kepada pihak penjara berhubung penyakit itu. Saya memohon mahkamah memberi peluang sewajarnya supaya anak guam saya boleh menyediakan pembelaan dalam kes ini (ekstradisi)," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Nik Syahril Nik Ab. Rahman membantah permohonan itu kerana tidak secara rasmi.

Bukan tugas Peguam Negara

KUALA LUMPUR 4 Jan.

- Tiada peruntukan undang-undang di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan khobar angin perlu dijelaskan oleh Peguam Negara.

Presiden Pertubuhan Pengamal Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia (Proguam), Noorazmir Zakaria berkata, Peguam Negara tiada kuasa untuk mengarahkan pihak polis membuat siasatan kerana tugas itu digalas Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"PDRM perlu menyiasat menggunakan mana-mana akta sekiranya khobar angin yang tular mengandungi perkara-perkara yang menggugat institusi diraja.

"Tugas Peguam Negara adalah untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V mengenai semua



NOORAZMIR ZAKARIA

AIDIL KHALID

pihaknya tidak menafikan terdapat unsur-unsur kebencian dalam kenyataan yang dikeluarkan sesetengah pihak sebelum ini.

"Contohnya, kenyataan Ketua Media dan Komunikasi Jawatankuasa Peralihan Majlis Penasihat Kerajaan, Datuk A. Kadir Jasin yang mendedahkan perbelanjaan

Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh enam bulan mengundang kemarahan banyak pihak.

"Perkara seperti ini termasuk khobar angin perlu disiasat di bawah Akta Hasutan sekiranya membawa kebencian terhadap institusi diraja," ujarnya.

Semalam, Kerajaan Pas Kelantan kesal pihak berwajib khususnya Peguam Negara membiarkan khobar angin dan tohmahan ke atas Yang di-Pertuan Agong tersebar tanpa sebarang tindakan.

perkara berkaitan undang-undang seperti yang dikehendakinya bukan menjawab khobar angin dalam media sosial," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Noorazmir, perkara tersebut hanya boleh menjadi perhatian Peguam Negara sekiranya PDRM menyerahkan laporan siasatan yang lengkap untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, aktivis Concerned Lawyers for Justice (CLJ), Aidil Khalid berkata,

Adik menyamar jadi ah long tipu kakak

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Seorang penganggur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Ampang dekat sini hari ini atas pertuduhan menipu kakak kandungnya sendiri dengan menyamar sebagai ah long sehingga mangsa kerugian RM61,500, Disember lalu.

Johari Mokhtar, 49, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya selesai dibacakan di hadapan Majistret Haslinda A. Raof.

Mengikut pertuduhan, lelaki

itu didakwa menipu Rogayah, 57, dengan memperdayakannya bagi mempercayai bahawa dia adalah ah long sehingga mendorong mangsa menyerahkan wang RM61,500 kepada tertuduh melalui akaun bank.

Perbuatan tersebut didakwa dilakukan di sebuah premis di Jalan AU 2A Taman Sri Keramat, Hulu Langat pada pukul 6 petang, 17 Disember tahun lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan yang memperuntuk-

kan hukuman penjara sehingga 10 tahun dengan sebatan dan boleh didenda.

Timbalan Pendakwa Raya, Goh Ai Rene mencadangkan jaminan RM15,000, bagaimanapun Johari yang tidak diwakili peguam merayu jaminan rendah dengan alasan dia tidak bekerja.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 22 Februari ini untuk sebutan semula kes.